

18/04/2000

Kementerian anjur seminar pelaburan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Pertanian akan menganjurkan seminar mengenai Peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian di The Palace of Golden Horses, Seri Kembangan pada 24 April ini.

Seminar sehari itu akan membincangkan pelbagai peluang menarik mengenai pelaburan dalam pertanian selaras pelaksanaan Polisi Pertanian Kebangsaan Ketiga (1998-2010).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan bertajuk Visi Baru Dalam Pertanian dan mengadakan sesi dialog bersama peserta.

Beberapa pakar pertanian tempatan dan antarabangsa turut dijemput untuk berkongsi kepakaran dalam beberapa bidang termasuk pertanian bio-teknologi, herba, buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan.

(END)